



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Perempuan Bersuami (Pindaan) 1983
DR.5/1983

Naskhah sahli—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Ordinan Perempuan Ber-suami 1957.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perempuan Ber-suami (Pindaan) 1983.

Tajuk
ringkas.

2. Seksyen 11 Ordinan Perempuan Bersuami 1957 adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 11.
36/57.

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan "does not exceed two thousand dollars" dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "falls within the civil jurisdiction of a Sessions Court"; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan "private room" dalam subseksyen (3) dengan perkataan "Chambers".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda seksyen 11 Ordinan Perempuan Bersuami 1957. Pindaan dalam Fasal 2 (a) adalah untuk menggantikan had bidang kuasa sebanyak dua ribu ringgit yang diberi oleh Ordinan kepada Yang Dipertua Mahkamah Sesyen mengenai hal pertikaian di antara suami dan isteri tentang

hakmilik atau pemilikan harta, dengan had bidang kuasa yang diberi oleh Akta Mahkamah Rendah 1948. Dalam tahun 1957, apabila Ordinan ini mula berkuatkuasa, bidang kuasa Yang Dipertua Mahkamah Sesyen yang diberi oleh Akta Mahkamah Rendah 1948 mengenai perkara sedemikian adalah juga sebanyak dua ribu ringgit. Dengan yang demikian tidak terdapat apa-apa perbezaan. Semenjak itu, Akta 1948 itu telah dipinda dua kali meningkatkan bidang kuasa sivil kepada Mahkamah itu, dalam tahun 1971 kepada lima ribu ringgit dan dalam tahun 1978 kepada dua puluh lima ribu ringgit. Ada kemungkinan bahawa ianya akan dipinda lagi di masa akan datang. Memandangkan hal ini, adalah difikirkan tidak diingini mengekalkan had bidang kuasa Mahkamah itu di bawah Ordinan Perempuan Bersuami 1957 kepada hanya dua ribu ringgit sahaja sedangkan bidang kuasanya di bawah Akta Mahkamah Rendah 1948 itu telah dinaikkan. Pindaan yang dicadangkan ini adalah untuk memberi bidang kuasa yang sama kepada seseorang Yang Dipertua Mahkamah Sesyen bagi menguruskan perkara sedemikian di bawah Ordinan Perempuan Bersuami 1957 sebagaimana yang diberi kepadanya di bawah Akta Mahkamah Rendah 1948.

2. Seksyen 11 (3) Ordinan Perempuan Bersuami 1957 menggunakan perkataan "private room" seseorang Hakim atau Yang Dipertua. Bagaimanapun perkataan yang digunakan pada masa ini ialah "Chambers". Dengan yang demikian, pindaan yang terkandung dalam *Fasal 2 (b)* adalah bagi maksud menghapuskan keraguan di dalam, dan memperbaiki, bahasa yang digunakan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1171.]

MURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda seksyen 11 Ordinan Perempuan Bersuami 1957. Pindaan dalam Fasal 2 (a) adalah untuk menggantikan had bidang kuasa sebanyak dua ribu ringgit yang diberikan kepada Yang Dipertua Mahkamah Sesyen mengenai hal pertikaian di antara suami dan isteri dengan